

*Berita Harian*  
1.10.13

## Lebih 2,000 hadir program kesihatan NSTP

**Kuala Terengganu:** Program kesihatan, 'Sayangi Jantung Anda' anjuran Media Prima Berhad-New Straits Times Press (NSTP) dan Institut Jantung Negara (IJN) mendapat sambutan hangat apabila lebih 2,000 pengunjung hadir pada program itu di Pusat Rehabilitasi 1Malaysia (PR1M) di Kampung Telaga Daing, di sini, semalam.

Program yang berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 1 tengah hari, menyaksikan seramai 72 sukarelawan Media Prima-NSTP dan IJN turun padang memberi perkhidmatan pemeriksaan jantung kepada penduduk di Dewan Undangan Negeri Seberang Takir.

### Pemeriksaan percuma

Inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Media Prima itu turut mendapat sokongan Universiti Sultan Zainal Abidin dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta syarikat Adabi, Kelab 4X4 Rendah dan sukarelawan 1M4U.

Ketua Komunikasi Korporat NSTP, Wan Abdillah Wan Nawi, berkata seramai 500 pengunjung terdiri daripada warga tua menerima rawatan jantung secara percuma.

Katanya, program itu bertujuan menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma dan rundingan penyakit jantung kepada orang ramai yang dijalankan oleh doktor pakar IJN.